

# Laporan Suhakam jejas peranan polis

UM 29 AUG 2001

Oleh  
**JOHARDY IBRAHIM,  
MARHAINI KAMARUDDIN  
dan ASIAH MION**

**K**UALA LUMPUR 23 Ogos — Laporan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) yang mendakwa polis telah melanggar hak asasi manusia semasa menyuraikan demonstrasi hanya akan menjejaskan peranan polis dalam melaksanakan tugas, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, dalam menjalankan tugasnya, Polis Diraja Malaysia kini terpaksa berdepan dengan Suhakam yang bermaksud mereka akan sentiasa bimbang apa yang Suhakam akan laporkan.

Kemudian, katanya, polis kena berdepan pula dengan media Barat seperti CNN yang akan sibuk mengekori polis untuk merakamkan 'keganasan polis' untuk memberitahu dunia bahawa polis di Malaysia adalah jahat.

"Ini akan menjejaskan peranan polis dalam melaksanakan tugas mereka

untuk menguatkuasakan undang-undang.

"Jika undang-undang tidak dikuatkuasakan, rakyat sesebuah negara tidak akan mendapat perlindungan.

"Katakanlah polis merasakan tidak perlu melakukan apa-apa dan biarlah mereka lakukan apa mereka suka... apakah yang mungkin akan jadi dengan kehidupan kita," katanya.

## Bukti

Dr. Mahathir diminta mengulas kenyataan Timbalan Pengerusi Suhakam, Tan Sri Anwar Zainal Abidin bahawa hasil laporan Suhakam itu adalah berdasarkan bukti sahih dan bukan rekaman untuk memburukkan polis.

Dalam hal ini, kata Perdana Menteri, "jika kita faham dalam masyarakat yang ada seperti di Malaysia, kesejahteraan rakyat adalah sangat mustahak".

"Orang-orang ini berdemonstrasi, menghalang lalu lintas dan menyebabkan masalah kepada orang lain maka polis berpe-

ranan menghentikannya mengikut proses undang-undang," katanya.

Di negara Barat, ujarnya, hak untuk individu berdemonstrasi dipentingkan sehinggalah mereka (kerajaan Barat) tidak senang dengan sesuatu demonstrasi itu.

"Ketika itu, mereka akan memukul penunjuk perasaan, malah menembak. Itulah keganasan polis," kata Perdana Menteri.

Dr. Mahathir berkata, polis melindungi rakyat dan menegakkan undang-undang serta peraturan dan bukanlah seolah-olah polis menyerbu sebuah rumah dan menarik penghuninya keluar dan memukulnya.

"Itulah keganasan polis dan ini berlaku di kebanyakan negara-negara membangun.

"Di Malaysia, polis menegakkan undang-undang dan jika polis minta bersurai, orang itu bersurai ia tidak menjadi masalah tapi jika mereka enggan berbuat demikian, maka polis terpaksa bertindak keras," ujarnya.

Menjawab soalan pem-

berita, Dr. Mahathir secara sinis berkata, Suhakam mengatakan laporan itu hendaklah dikemukakan kepada kerajaan dan pada masa yang sama, membuat pengumuman mengenainya.

"Mengapa diumumkan kalau bukan untuk mengkritik kerajaan secara terbuka?" soal beliau.

Kerajaan ujarnya, adalah cukup terbuka dan liberal dengan mewujudkan Suhakam untuk melihat pada baik buruknya terhadap sesuatu isu atas demi kepentingan rakyat dan bukan kerajaan.

## Mengkritik

Mengenai kenyataan Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Shahril Samad yang mengkritik komen beliau terhadap Suhakam, Dr. Mahathir berkata, Shahril boleh mengatakan apa-apa yang disukanya.

"Pendapatnya bukan satu perkara yang saya pedulikan. Ia adalah sesuatu yang saya humber ke dalam tong sampah," kata beliau.